

## SEKSYEN 6

# Sektor Awam Disatukan

**79 SEKTOR AWAM DISATUKAN**

---

**80 KERAJAAN AM**

---

**81 KERAJAAN NEGERI**

---

**82 SYARIKAT AWAM BUKAN  
KEWANGAN**

---



## SEKSYEN 6

# Sektor Awam Disatukan

## Sektor Awam Disatukan

Sektor awam disatukan (CPS) di Malaysia terdiri daripada unit kerajaan am iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan serta Badan Berkanun Persekutuan<sup>1</sup>; dan syarikat awam bukan kewangan (SABK)<sup>2</sup>. Kedudukan kewangan CPS menyediakan perspektif keseluruhan prestasi kewangan yang menggambarkan saiz sektor awam, menilai kesan aktiviti sektor awam ke atas ekonomi dan mengenal pasti sumber risiko fiskal. Data CPS juga digunakan untuk perbandingan antara negara serta penanda aras di peringkat global seperti penilaian penarafan kredit. Rangka kerja CPS memerlukan semua transaksi antara setiap unit sektor awam diasingkan.

Baki semasa CPS pada 2022 dijangka bertambah 14.9% kepada RM110.4 bilion (2021: RM96.1 bilion). Kenaikan ini disebabkan oleh pertambahan lebihan semasa SABK berikutan peningkatan ketara hasil didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi. Selain itu, perbelanjaan pembangunan (DE) disatukan diunjur meningkat 39.4% kepada RM174.4 bilion (2021: RM125.2 bilion), selari dengan peningkatan pelaburan terutamanya oleh SABK. Defisit keseluruhan CPS dijangka bertambah kepada RM92.9 bilion iaitu 5.4% daripada KDNK pada 2022 (2021: -RM66.9 bilion; -4.3%) setelah mengambil kira perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) dan mengasingkan semua pindahan, pinjaman bersih dan dividen antara unit.

**JADUAL 6.1.** Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan, 2021 - 2023

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2021	2022 <sup>2</sup>	2023 <sup>3</sup>	2021	2022 <sup>2</sup>	2023 <sup>3</sup>
Hasil	239,263	246,304	268,809	-0.9	2.9	9.1
Perbelanjaan mengurus	270,170	326,889	313,195	3.4	21.0	-4.2
Baki semasa	-30,907	-80,585	-44,386	56.7	160.7	-44.9
Baki semasa SABK	126,979	190,964	107,242	70.7	50.4	-43.8
<b>Baki semasa sektor awam</b>	<b>96,072</b>	<b>110,379</b>	<b>62,856</b>			
Perbelanjaan pembangunan	125,175	174,441	194,847	4.5	39.4	11.7
Kerajaan am	66,732	73,489	93,997	21.2	10.1	27.9
SABK	58,443	100,952	100,850	-9.6	72.7	-0.1
Kumpulan Wang COVID-19 <sup>1</sup>	37,750	28,800	5,000	-0.6	-23.7	-82.6
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-66,853</b>	<b>-92,862</b>	<b>-136,991</b>			
<b>% daripada KDNK</b>	<b>-4.3</b>	<b>-5.4</b>	<b>-7.5</b>			

<sup>1</sup> Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

<sup>2</sup> Anggaran disemak

<sup>3</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

<sup>1</sup> Badan Berkanun Persekutuan ditadbir oleh akta tubuh masing-masing di bawah Kementerian Persekutuan untuk melaksanakan fungsi tertentu Kerajaan dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, pembangunan luar bandar dan pertanian. Sebahagian besar hasil diperoleh melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan.

<sup>2</sup> Merujuk kepada 32 SABK utama.

## Kerajaan Am

Sektor kerajaan am melaksanakan fungsi ekonomi utama Kerajaan termasuk menyediakan barangan dan perkhidmatan awam, mengagih semula pendapatan dan kekayaan serta membiayai aktiviti terutamanya melalui cukai atau pindahan. Oleh itu, penilaian kedudukan kewangan kerajaan am penting untuk memastikan kemampuan serta menganggar impak keseluruhan operasi kerajaan ke atas ekonomi.

Hasil kerajaan am pada 2022 dianggar bertambah sebanyak 17.9% kepada RM339.1 bilion terutamanya disumbangkan oleh peningkatan hasil Kerajaan Persekutuan. Peningkatan ini disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan aktiviti ekonomi yang bertambah baik termasuk perkhidmatan kewangan. Perbelanjaan mengurus (OE) kerajaan am juga diunjur lebih tinggi sebanyak 20.9% kepada RM327.3 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan OE Kerajaan Persekutuan. Baki semasa kerajaan am dijangka mencatat lebihan sebanyak RM11.8 bilion (2021: RM16.9 bilion).

Selain itu, DE kerajaan am dianggar meningkat sebanyak 11.6% kepada RM76.3 bilion, terutamanya disebabkan oleh DE disatukan kerajaan negeri yang lebih tinggi. Perbelanjaan keseluruhan dijangka meningkat 14.8% kepada RM432.3 bilion (2021: RM376.7 bilion) selepas mengambil kira perbelanjaan tambahan Kerajaan Persekutuan di bawah KWC-19. Semua angka ini adalah selepas mengasingkan pindahan dan pinjaman bersih antara unit. Oleh itu, defisit keseluruhan kerajaan am dijangka bertambah kepada RM93.3 bilion atau 5.4% daripada KDNK pada 2022 (2021: -RM89.2 bilion; -5.8%).

Defisit keseluruhan kerajaan am dibiayai terutamanya oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan dan rizab terkumpul. Artikel 111 dan 112 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa semua kerajaan negeri kecuali Sabah dan Sarawak hanya boleh meminjam daripada atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan tempatan<sup>3</sup> pula boleh meminjam dengan kelulusan kerajaan negeri manakala Badan Berkanun Persekutuan<sup>4</sup> juga boleh meminjam dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pendedahan terhadap risiko kredit kerajaan am adalah terkawal di peringkat Kerajaan Persekutuan.

**JADUAL 6.2.** *Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan, 2021 – 2023*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2021	2022 <sup>2</sup>	2023 <sup>3</sup>	2021	2022 <sup>2</sup>	2023 <sup>3</sup>
Hasil	287,502	339,064	322,740	0.6	17.9	-4.8
Perbelanjaan mengurus	270,626	327,259	313,655	3.4	20.9	-4.2
<b>Baki semasa</b>	<b>16,876</b>	<b>11,805</b>	<b>9,085</b>			
Perbelanjaan pembangunan	68,328	76,281	96,880	23.2	11.6	27.0
Kumpulan Wang COVID-19 <sup>1</sup>	37,750	28,800	5,000	-0.6	-23.7	-82.6
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-89,202</b>	<b>-93,276</b>	<b>-92,795</b>			
<b>% daripada KDNK</b>	<b>-5.8</b>	<b>-5.4</b>	<b>-5.1</b>			

<sup>1</sup> Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

<sup>2</sup> Anggaran disemak

<sup>3</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

<sup>3</sup> Seksyen 41 dan 42 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

<sup>4</sup> Seksyen 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999.

## Kerajaan Negeri

Hasil disatukan bagi kerajaan negeri pada 2022 diunjur meningkat sebanyak 9% kepada RM31.2 bilion (2021: RM28.7 bilion; -3.5%) iaitu 78.1% merupakan hasil janaan negeri manakala bakinya adalah pindahan dan geran oleh Kerajaan Persekutuan. Hasil janaan negeri dianggar berjumlah RM24.4 bilion dengan 62.7% atau RM15.3 bilion adalah cukai jualan, royalti petroleum, premium tanah dan faedah pelaburan. Sebahagian besar hasil janaan negeri adalah dari negeri Sarawak, Sabah, Selangor, Terengganu dan Johor iaitu sebanyak 80.7% atau RM19.7 bilion.

Hasil cukai langsung dan tidak langsung dianggar berjumlah RM9.7 bilion atau 31.2% daripada jumlah hasil disatukan. Kutipan cukai langsung terutamanya cukai ke atas sumber asli seperti tanah, lombong dan perhutanan diunjur sebanyak RM3.7 bilion. Cukai tidak langsung yang sebahagian besarnya merupakan cukai jualan, duti hiburan dan dius pelaburan pula diunjur mencatat RM6 bilion atau 61.8% daripada hasil cukai. Hanya Sabah dan Sarawak negeri yang dibenarkan untuk mengutip cukai jualan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesepuluh, Bahagian V, Sumber Tambahan Hasil yang Diserahhakkan kepada Negeri Sabah dan Sarawak. Jumlah kutipan cukai jualan di Sabah dan Sarawak diunjur sebanyak RM1.9 bilion dan RM3.9 bilion.

Hasil bukan cukai dijangka mencatat RM13 bilion atau 41.6% daripada jumlah hasil disatukan. Komponen utama hasil ini adalah royalti petroleum sebanyak RM4.5 bilion, faedah pelaburan sebanyak RM2.8 bilion dan premium tanah sebanyak RM2.2 bilion. Terimaan bukan hasil pula dianggar berjumlah RM8.5 bilion yang sebahagian besar adalah geran daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM6.8 bilion. Geran tersebut termasuk pemberian ikut kepala yang ditetapkan berdasarkan unjuran kependudukan tahunan, pemberian bagi membiayai OE

di bawah Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan dan bayaran perkhidmatan bagi penglibatan penjawat awam negeri dalam projek pembangunan Persekutuan.

Jumlah OE disatukan kerajaan negeri dijangka meningkat sebanyak 5% kepada RM15 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan jumlah pindahan dan kenaan bayaran tetap serta perkhidmatan dan bekalan. DE disatukan pula diunjur bertambah sebanyak 40.3% kepada RM13.1 bilion. Projek pembangunan utama yang dilaksanakan termasuk pembinaan jalan raya penghubung dan pembangunan kawasan luar bandar di Sarawak; pembinaan jalan raya dan pengambilan tanah bagi projek di Sabah; pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan dan penaiktarafan jalan raya di Selangor; serta pelaksanaan projek bekalan

**JADUAL 6.3.** Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan, 2021 - 2022

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2021	2022 <sup>1</sup>	2021	2022 <sup>1</sup>
Hasil	28,667	31,245	-3.5	9.0
Perbelanjaan mengurus	14,286	14,994	14.6	5.0
<b>Baki semasa</b>	<b>14,381</b>	<b>16,251</b>		
Perbelanjaan pembangunan kasar	9,343	13,109	-1.4	40.3
Kumpulan Wang Pembangunan	9,249	12,650	-2.3	36.8
Kumpulan Wang Bekalan Air	94	459	623.1	388.3
Tolak: Terimaan balik pinjaman	326	276	-52.1	-15.3
Perbelanjaan pembangunan bersih	9,017	12,833	2.5	42.3
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>5,364</b>	<b>3,418</b>		
<b>% daripada KDNK</b>	<b>0.3</b>	<b>0.2</b>		

<sup>1</sup> Anggaran  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

air di Pahang dan Kedah. Oleh itu, jumlah perbelanjaan disatukan kerajaan negeri dijangka meningkat sebanyak 18.9% kepada RM28.1 bilion.

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dianggar mencatat baki semasa sebanyak RM16.3 bilion atau 52% daripada jumlah hasil kerajaan negeri disatukan. Baki keseluruhan kerajaan negeri juga dianggar mencatat lebih sebanyak RM3.4 bilion atau 0.2% daripada KDNK.

## Syarikat Awam Bukan Kewangan

Dalam menghadapi cabaran semasa tempoh pemulihan ekonomi, SABK terus mengadaptasi norma baharu dengan menunjukkan daya tahan serta kesediaan untuk berkembang maju. Beberapa subsektor ekonomi seperti minyak dan gas, logistik, penjagaan kesihatan, serta perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi telah mendapat manfaat daripada ketidaktentuan dalam persekitaran global semasa. Oleh itu, hasil SABK diunjur mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 32.8% kepada RM517 bilion (2021: RM389.4 bilion; 29%) atau 30.2% daripada KDNK terutamanya disumbangkan oleh subsektor minyak dan gas berikutan lonjakan harga minyak global.

Jumlah perbelanjaan SABK pada 2022 dijangka meningkat kepada RM516.6 bilion (2021: RM367 bilion) atau 30.2% daripada

KDNK. Daripada jumlah ini, perbelanjaan semasa meningkat kepada RM415.7 bilion dan perbelanjaan modal kepada RM100.9 bilion sejajar dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi. Meskipun selepas berdepan dengan cabaran berkaitan pandemik COVID-19 selama dua tahun, SABK mampu mengekalkan perbelanjaan modal yang besar. Pelaburan ini juga dijangka meningkatkan kapasiti janaan hasil masa hadapan SABK. Oleh itu, kedudukan kewangan disatukan SABK diunjur mencatat lebih semasa yang tinggi sebanyak RM101.4 bilion pada 2022 (2021: RM80.8 bilion) manakala lebih keseluruhan dijangka berkurang kepada RM0.4 bilion atau 0.02% daripada KDNK (2021: RM22.3 bilion; 1.4%).

**JADUAL 6.4.** Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan<sup>1</sup> Disatukan, 2021 - 2022

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2021	2022 <sup>2</sup>	2021	2022 <sup>2</sup>
Hasil	389,408	517,043	29.0	32.8
Perbelanjaan semasa	308,616	415,677	14.0	34.7
<b>Baki semasa</b>	<b>80,792</b>	<b>101,366</b>		
Perbelanjaan modal	58,443	100,952	-9.6	72.7
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>22,349</b>	<b>414</b>		
<b>% daripada KDNK</b>	<b>1.4</b>	<b>0.02</b>		

<sup>1</sup> Merujuk kepada 32 SABK utama

<sup>2</sup> Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia